

# PEMANSUHAN FUNGSI SESEBUAH AGENSI KERAJAAN – IMPLIKASI KEPADA PERKHIDMATAN PEGAWAI AWAM

Bahagian Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam

# PEMANSUHAN FUNGSI ATAS KEPUTUSAN KERAJAAN

## Dasar

**Pembubaran Agensi Awam**

Pemansuhan keseluruhan atau sebahagian fungsi agensi dan diambil alih oleh agensi baharu di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan.

Contoh : Jabatan Penerbangan Malaysia ke Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (Badan Berkanun)

**KKM: Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat)**

**Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PBPP)**

**Majlis Perubatan Malaysia (MMC)**

# PERBEZAAN SECARA UMUM

| JENIS ORGANISASI | AGENSI KERAJAAN | BADAN BERKANUN BIASA | BADAN BERKANUN DIASINGKAN SARAAN | BADAN BERKANUN DIASINGKAN SARAAN SEPENUHNYA | PENGKORPORATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **CONTOH** | JPA | University Malaya (UM) | MIDA, SME CORP | Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), BSN, LHDN | TNB, MAS, Telekom, POS, Petronas, KTMB |
| **PELANTIKAN/ SARAAN/SKIM PERKHIDMATAN** | Melalui Suruhanjaya | • Urusan Pelantikan, Naik Pangkat, Tatatertib - *bidang kuasa Pihak Berkuasa Melantik (PBM)*<br>• Skim perkhidmatan, saraan, perjawatan, gaji dan bonus - *tertakluk kepada sistem saraan, skim perkhidmatan & keputusan kerajaan*<br>• Pegawai boleh memilih untuk berada dalam skim berpencen atau KWSP. | • Urusan Pelantikan, Naik Pangkat, Tatatertib, Penetapan Skim Perkhidmatan dan lain-lain syarat perkhidmatan - *bidang kuasa Pihak Berkuasa Melantik (PBM) & tidak tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Persekutuan*<br>• Perjawatan, gaji dan bonus – *ditetapkan oleh Badan Berkanun sendiri setelah mendapat kelulusan Kerajaan*<br>• Skim saraan – KWSP (tiada skim berpencen) | • Urusan Pelantikan, Naik Pangkat, Tatatertib, perjawatan, gaji, bonus, skim perkhidmatan dan lain-lain syarat perkhidmatan – *ditentukan sepenuhnya oleh Badan Berkanun berkenaan*<br>• Skim saraan – KWSP (tiada skim berpencen)<br>• Masih dikawal selia oleh Kerajaan melalui wakil Kerajaan dalam Lembaga Pengarah, Pelaburan, *High Council* | Kuasa agensi sepenuhnya. Kerajaan hanya berperanan sebagai pemegang saham utama (GLC) |





# PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2016

**Apa itu tukar lantik?**



**Tatacara pelantikan untuk memindahkan pegawai daripada Pihak Berkuasa Melantik yang sama/berlainan ke skim perkhidmatan sama/berlainan tanpa melalui pelantikan biasa.**

# PERTUKARAN PELANTIKAN ATAS KEPUTUSAN KERAJAAN

## Dasar



- ✓ **Pertukaran pelantikan dibuat melalui opsyen.**

✓ ***Menerima tawaran*** ✗ ***Menolak tawaran***

- ✓ **Syarat pertukaran pelantikan <u>tidak kurang baik</u> daripada syarat perkhidmatan di gred hakiki jawatan asal.**

- ✓ **Pertukaran Pelantikan dibuat berdasarkan <u>gred hakiki pegawai.</u>**

# PROSES PERTUKARAN PELANTIKAN



# SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN

**Urusan Perkhidmatan**

| Bil | PERKARA | SYARAT BARU |
|---|---|---|
| 1. | Tempoh Percubaan | Pegawai yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan di jawatan asal **dikehendaki** menghabiskan baki tempoh percubaan.<br><br>Pegawai **telah disahkan** dalam perkhidmatan di jawatan asal **dikecualikan** melalui tempoh percubaan. |
| 2. | Pengesahan Dalam Perkhidmatan | Pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan di jawatan asal **disifatkan telah disahkan** dalam perkhidmatan di jawatan baharu sehari selepas tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.<br><br>*Maklumat pengesahan dalam perkhidmatan pegawai hendaklah dicatatkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai.* |

# SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN

**Urusan Perkhidmatan**

| Bil | PERKARA | SYARAT BARU |
|---|---|---|
| 2. | Pengesahan dalam Perkhidmatan | Pegawai yang **masih dalam tempoh percubaan** dan telah memenuhi syarat pertukaran pelantikan boleh disahkan dalam perkhidmatan di jawatan baharu sehari selepas memenuhi tempoh percubaan minimum dengan mengambil kira tempoh percubaan yang telah dilalui di jawatan asal dan memenuhi syarat pengesahan lain yang ditetapkan. |

# SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN

**Urusan Perkhidmatan**

| Bil | PERKARA | SYARAT BARU |
|---|---|---|
| 3. | Pemberian Taraf Berpencen | **Taraf berpencen dikekalkan** dan tidak perlu ditawarkan opsyen Skim KWSP di jawatan baharu.<br><br>Pegawai yang tidak memilih Skim KWSP semasa di jawatan asal tetapi belum diberi taraf berpencen sebelum tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan **hendaklah diuruskan pemberian taraf berpencen** mengikut undang undang pencen yang berkuat kuasa. |

# SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN

**Urusan Perkhidmatan**

| Bil | PERKARA | SYARAT BARU |
|---|---|---|
| 4. | Pemangkuan | Jika pegawai sedang memangku pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, pemangkuan **boleh diteruskan** dengan syarat ditukar lantik ke gred dan skim perkhidmatan yang sama. |
| 5. | Kekananan | **Dikekalkan** jika ditukar lantik ke agensi baharu dan ditukar lantik ke gred jawatan dan skim perkhidmatan yang sama atau skim berlainan tetapi disahkan mempunyai tugas yang sama dan gred yang sama.<br><br>**Dikira mulai tarikh kuatkuasa** pertukaran pelantikan jika ditukar lantik ke gred jawatan dan skim perkhidmatan yang berlainan. |

# SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN

**Urusan Perkhidmatan**

| Bil | PERKARA | SYARAT BARU |
|---|---|---|
| 6. | Tempoh kenaikan pangkat secara *"Time-Based* | Pegawai yang ditukar lantik ke gred jawatan yang sama/berlainan di gred jawatan yang sama/setaraf **tanpa mengira bidang tugas sama/berbeza** boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat secara KUP 13 tahun.<br><br>*(kecuali pegawai ditukar lantik ke gred jawatan lebih tinggi).* |

# SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN

**Urusan Saraan**

| Bil | PERKARA | DASAR BARU |
|---|---|---|
| 7. | Tarikh Pergerakan Gaji | **Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan dikekalkan** mengikut Tarikh Pergerakan Gaji tahunan di jawatan asal. |
| 8. | Pergerakan Gaji Tahunan | Pergerakan Gaji Tahunan yang sepatutnya diterima oleh pegawai pada tahun pertukaran pelantikan **diawalkan pada tarikh kuat kuasa** pertukaran pelantikan **mengikut amaun KGT jawatan asal.** |
| 9. | Gaji Pertukaran Pelantikan | Belum sah dalam perkhidmatan – gaji sama dengan gaji akhir @ gaji akhir jika gaji akhir dijawatan asal lebih tinggi.<br><br>Telah sah dalam perkhidmatan – gaji sama dengan gaji akhir + **1KGT jawatan asal** (Pergerakan Gaji Biasa). |

# SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN

**Urusan Saraan**

| Bil | PERKARA | SYARAT BARU |
|---|---|---|
| 10. | Cuti Rehat | Kelayakan cuti rehat tahunan di jawatan baharu **dikekalkan.**<br><br>Pegawai **dibenarkan membawa baki cuti rehat** tahunan dan cuti rehat yang telah dikumpulkan bagi tujuan award wang tunai sebagai gantian cuti rehat mengikut peraturan yang berkuat kuasa. |

# SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN

**Urusan Saraan**

| Bil | PERKARA | SYARAT BARU |
|---|---|---|
| 11. | Hubungan Dengan Skim Perkhidmatan/ Perkhidmatan Asal | Hubungan pegawai dengan perkhidmatan asal terputus **kecuali** bagi maksud faedah persaraan dan kemudahan dalam perkhidmatan yang diberi menggunakan tempoh perkhidmatan.<br><br>Contoh : *cuti rehat, cuti haji, cuti tanpa gaji dan kelayakan pinjaman.* |
| 12. | Elaun dan kemudahan | **TERTAKLUK kepada penerimaan pakai peraturan/ pekeliling perkhidmatan** berkenaan elaun dan kemudahan Perkhidmatan Awam Persekutuan. |

# SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN

**Urusan Pencen**

| Bil | PERKARA | SYARAT BARU |
|---|---|---|
| 13. | Tarikh layak dibayar pencen | Pertukaran pelantikan **tidak akan menjejaskan umur layak pegawai dibayar pencen** sekiranya pegawai bersara pilihan selepas tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. |
| 14. | Tempoh perkhidmatan | Tempoh perkhidmatan di jawatan asal boleh diambil kira bagi tujuan perkiraan faedah persaraan. |
| 15. | Faedah persaraan | Pencen dan ganjaran diuruskan oleh KWAP.<br><br>GCR dan faedah perubatan diuruskan Pihak Berkuasa Berkanun.<br><br>Kemudahan lain adalah seperti Kad Pesara. |

# PRINSIP PEMBERIAN OPSYEN

## PEGAWAI YANG LAYAK



Pegawai di Jabatan/Agensi yang dilantik secara **tetap** dan termasuk :

- ✓ Pegawai dalam tempoh percubaan;
- ✓ Pegawai pinjaman, pertukaran sementara dan penempatan silang (*Program Cross Fertilization*);
- ✓ Pegawai yang tidak hadir bertugas; dan
- ✓ Pegawai dalam proses tindakan tatatertib/ sedang menjalani hukuman tatatertib kecuali buang kerja.

## PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK



- ✓ Pegawai sementara atau kontrak

# SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN

**Urusan Perkhidmatan (opsyen)**

| Bil | PERKARA | SYARAT BARU |
|---|---|---|
| 16. | Tarikh kuatkuasa tukar lantik pegawai yang tidak hadir bertugas | Tarikh kuat kuasa tukar lantik **mulai pegawai lapor diri** bertugas tertakluk tidak dikenakan hukuman buang kerja. |
| 17. | Tempoh Opsyen | 30 hari dan opsyen adalah muktamad |

# IMPLIKASI MENOLAK OPSYEN

## 1 Dibersarakan – Akta Pencen 1980 [Akta 227]

| Pegawai bertaraf berpencen | Pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan semasa tetapi telah disahkan dan diberi taraf berpencen dijawatan terdahulu | Pegawai dalam skim KWSP |
|---|---|---|
| Seksyen 10(5)(b) atau Seksyen 10(5)(c) Akta 227 | | Subseksyen 6A(6) Akta 227 |

## 2 Dikehendaki menamatkan perkhidmatan melalui peletakan jawatan

| Pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan | Pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan tetapi belum diberi taraf berpencen |
|---|---|

* Prinsip baru dimasukkan dalam PP6/2016

# TERIMA KASIH